

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 12 Tahun 2022

PEKELILING PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENG GAMBARAN DI KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi pemakluman berkenaan panduan pelaksanaan aktiviti penggambaran di kawasan kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada seluruh warga UiTM.

LATAR BELAKANG

2. UiTM sentiasa menjadi tumpuan organisasi media, stesen-stesen televisyen dan syarikat-syarikat produksi untuk mengadakan penggambaran di dalam kampus UiTM bagi tujuan-tujuan seperti dokumentari, filem, drama, telefilem, klip video dan aktiviti-aktiviti penggambaran yang lain.

3. Sehubungan itu, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) melalui mesyuarat bil. 13 / 2022 pada 27 April 2022 telah bersetuju meluluskan panduan pelaksanaan aktiviti penggambaran di kawasan kampus UiTM.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan aktiviti penggambaran di kawasan kampus UiTM adalah seperti yang diperincikan seperti berikut:

- 4.1 Pelaksanaan aktiviti penggambaran hanya dibenarkan kepada organisasi media dari stesen-stesen televisyen berikut:
- Radio Televisyen Malaysia (RTM);
 - Media Prima Berhad;
 - Astro Malaysia Holding Berhad (Astro);
 - Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA);
 - Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS);
 - Filem Negara Malaysia (FNM); dan
 - syarikat-syarikat produksi yang telah dilantik oleh badan-badan kerajaan khususnya rakaman dokumentari atau majalah berbentuk ilmiah (pengajaran dan pembelajaran) dan bagi tujuan mempromosikan kepakaran pensyarah UiTM.
- 4.2 Tiada kadar bayaran yang akan dikenakan kepada organisasi media dan stesen-stesen televisyen seperti perenggan 4.1 yang dibenarkan mengadakan aktiviti penggambaran di dalam kampus UiTM.
- 4.3 Sebarang aktiviti penggambaran sama ada filem, drama, tele-filem, iklan, klip video atau apa-apa sahaja penggambaran video berbentuk komersial atau pun tidak, yang menggunakan nama UiTM sama ada sengaja atau tidak, dari mana-mana syarikat produksi luar di dalam kawasan kampus UiTM seluruh Malaysia selain daripada yang tersenarai di perenggan 4.1 adalah tidak dibenarkan.
- 4.4 Larangan pelaksanaan aktiviti penggambaran ini bertujuan:
- menjaga imej dan kredibiliti universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam supaya tidak digambarkan secara negatif melalui penampilan rupa diri, watak lakonan serta jalan cerita yang di bawah;
 - menjaga aset dan kemudahan yang terdapat dalam premis Universiti daripada kerosakan yang terjadi akibat aktiviti rakaman;

- mengelakkan daripada timbul sebarang masalah yang berkaitan dengan sikap dan disiplin krew rakaman yang bertentangan dengan peraturan di dalam premis universiti seperti merokok dan cara berpakaian yang tidak bersesuaian di dalam kawasan kampus;
 - memberi ruang persekitaran pengajaran dan pembelajaran tanpa gangguan dari segi tempat dan masa yang akan diambil oleh krew penggambaran ketika berada di premis Universiti seperti kolej kediaman, perpustakaan dan dewan kuliah; dan
 - mengurangkan kadar penggunaan elektrik yang tinggi ketika aktiviti penggambaran dilakukan seperti di bangunan kelas, dewan, kolej dan sebagainya.
- 4.5 Pelaksanaan ini juga tertakluk kepada staf UiTM yang terlibat dengan produksi rakaman dan telah menandatangani kontrak bersama mana-mana syarikat produksi sama ada sebagai penerbit, pengarah, ejen atau krew produksi dalam membuat rakaman bagi penghasilan dan penerbitan filem atau video.
- 4.6 Bagi aktiviti rakaman yang dibenarkan, pihak penerbit, petugas, krew produksi dan individu yang terlibat perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- memastikan kebersihan dan infrastruktur sentiasa terjaga di kawasan yang digunakan bagi lokasi rakaman (penerbit hendaklah menanggung risiko terhadap sebarang kerosakan yang berlaku terhadap infrastruktur hasil dari rakaman tersebut);
 - tidak membuat sebarang perubahan termasuk membuka, mengalih atau mengubah sebarang struktur serta kemudahan di lokasi rakaman tanpa kebenaran pihak UiTM terlebih dahulu;
 - tidak merokok di dalam kawasan kampus;

- tidak membawa masuk sebarang minuman keras, rokok, senjata berbahaya, senjata api, dadah dan barangan mudah terbakar ke dalam kawasan kampus;
 - sentiasa berpakaian sopan dan menjaga tingkah laku semasa berada di kawasan kampus UiTM sepanjang rakaman dijalankan;
 - tidak mengganggu kelancaran aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan urusan pentadbiran universiti sepanjang sesi rakaman berlangsung;
 - tidak menyalahgunakan *footages* yang dirakam bagi tujuan lain selain dari penerbitan yang diluluskan; dan
 - tidak melakukan sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di dalam kawasan kampus UiTM pada sepanjang masa semasa melaksanakan tanggungjawab dan obligasi berkaitan dengan kebenaran untuk melakukan penggambaran tersebut.
- 4.7 Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap sebarang kehilangan, kerugian, kecederaan atau kematian yang berlaku terhadap penerbit, petugas, ejen, krew produksi atau individu yang terlibat sepanjang berada di dalam kawasan kampus UiTM.
- 4.8 Penerbit hendaklah memberi pampasan dan indemniti kepada UiTM daripada dan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja, ganti rugi, tanggungan kerugian, denda, penalti, kompaun atau kos perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas UiTM sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung daripada sebarang pelanggaran undang-undang atau apa-apa syarat kebenaran oleh pihak penerbit, petugas, krew produksi dan individu yang terlibat semasa melaksanakan tanggungjawab dan obligasinya di bawah kebenaran yang diberikan.

- 4.9 Pihak UiTM berhak untuk membatalkan kebenaran yang telah diberi sekiranya pihak produksi tidak mengikut arahan-arahan seperti di atas.
- 4.10 Sebarang permohonan aktiviti penggambaran dan rakaman yang dibenarkan perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Komunikasi. Setiap permohonan mesti disertakan dengan skrip dan sinopsis cerita untuk dinilai terlebih dahulu oleh Jabatan Komunikasi.
- 4.11 Bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau pelajar UiTM yang ingin menghasilkan penerbitan video sama ada video korporat, video promosi, montaj perasmian majlis dan video-video untuk siaran umum hendaklah menunjukkan hasil akhir video tersebut kepada Jabatan Komunikasi bagi tujuan saringan akhir.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 20 Oktober 2022.

TARIKH KUAT KUASA


6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **27 April 2022**.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua staf UiTM dan untuk edaran dalaman sahaja.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(PROFESOR DATUK Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-UiTM (JKK 6/2)

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 12/2022